

BERITA UTAMA

3 KONGSI PENDEKATAN,
LANGKAT BANTERAS
EKSTREMISME

7



Doa Kesyukuran Jubli Delima
Pusat Da'wah Islamiah

11

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam
di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024

Bagi Bulan
OGOS
21
Orang



- | | | |
|---|---|---|
| ● | Fahami Tarannum Secara Ilmiah Dan Praktikal | 4 |
| ● | Menteri Hal Ehwal Ugama Terima Kunjungan Hormat | 5 |
| ● | Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' | 6 |
| ● | Tazkirah Malam Munajat Serlahkan Ketokohan Rasulullah | 8 |
| ● | 19 Peserta Ikuti Kursus Tarannum Al-Qur'an Peringkat Lanjutan | 9 |

Muharam /
Safar 1446H

OGOS
2024 M
Bil 8 • Tahun 36



www.kheu.gov.bn



pdi@mora.gov.bn



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293

KONGSI PENDEKATAN, LANGKAT BANTERAS EKSTREMISME

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



KOTA MEKAH, Rabu, 2 Ogos - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman bersama delegasi daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah menghadiri Persidangan Ke-9 Menteri-Menteri Waqaf dan Hal Ehwal Islam dari negara-negara Islam atas undangan Menteri Hal Ehwal Islam, Dakwah dan Irshad, Arab Saudi, Tuan Yang Terutama, Sheikh Dr. Abdullatif bin Abdulaziz Al-Sheikh.

Persidangan yang bertemakan 'Peranan Kementerian-Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Waqaf dalam Mempromosikan Kesederhanaan dan Menyatukan Nilai-Nilai Kesederhanaan' dihadiri oleh Menteri-menteri, Mufti-mufti, Ketua-ketua Majlis Ugama Islam dan institusi-institusi ugama Islam daripada 60 buah negara dan berlangsung selama dua hari bertempat di Kota Mekah Al-Mukarramah.

Persidangan ini mengongsikan pengalaman serta usaha masing-masing dalam pendekatan

memanfaatkan komunikasi moden seperti penggunaan media sosial.

KHEU, melalui Pusat Da'wah Islamiah, juga menggalakkan penggunaan pendekatan komunikasi moden ini dengan menyalurkan informasi pengetahuan agama Islam melalui media sosial. Langkah ini diambil untuk menjamin kehidupan sosial beragama yang terarah dan terpelihara mengikut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah Mazhab Syafi'e. Negara juga tidak boleh lalai dan alpa dengan bahaya yang mungkin terhasil melalui media sosial tersebut.

Menurut Yang Berhormat lagi, NBD telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menangani perkara ini, termasuk pendidikan ugama daripada peringkat awal kanak-kanak, rendah dan menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Dasar ini menjadi asas Pendidikan Kebangsaan Negara melalui Perintah Pendidikan Ugama Wajib. Dasar tersebut memainkan peranan penting dalam usaha membanteras ajaran-ajaran yang tidak selari dengan ajaran Islam dan tidak sesuai dengan apa yang diamalkan di negara ini sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.



Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah •

PENOLONG PENASIHAT: Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah •

KETUA PENERBIT: Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:**

Qairunnisa binti Haji Jalil, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan •

PENYELARAS: Suriati binti Haji Ali Hussin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chchu •

Azizah binti Hidup • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani •

PEREKABENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK: Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:**

Nurul Nabilah binti Masri •

GAMBAR: Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

Lidah Pengarang SINAR DA'WAH 40 TAHUN DI NEGARA ZIKIR

Dengan limpah rahmat Allah Subhanahu wa Ta'alaa serta izin-Nya juga, Pusat Da'wah Islamiah telah mencapai usianya yang ke 40 tahun, sejak ia memulakan operasinya pada 18 Rabiulakhir 1405 bersamaan 1 Januari 1985 dan perasmianya 9 bulan kemudian yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Muharam 1406H bersamaan 16 September 1985M.

Pusat Da'wah Islamiah telah melalui pelbagai perubahan sepanjang 40 tahun perjalannya dengan diterajui oleh pengarah-pengarah yang berkualip dan hasil perancangan teliti, usaha tekun, serta kerjasama erat yang terjalin di kalangan pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah. Sepanjang tempoh tersebut Pusat Da'wah Islamiah telah berusaha dengan gigih bagi mencapai matlamatnya menyebarkan syiar Islam kepada masyarakat di negara ini bersesuaian dengan misinya iaitu menyebarluas dan memantapkan ajaran serta penghayatan agama Islam kepada rakyat dan penduduk negara ini bagi kesejahteraan beragama dan bernegara menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah Mashab Syafi'e. Jabatan ini telah menunjukkan komitmen berterusan dalam menyediakan dan menerapkan da'wah yang berterusan dan konsisten kepada penduduk negara ini.

Tahniah kepada seluruh warga Pusat Da'wah Islamiah yang telah berusaha gigih dalam memastikan jabatan ini akan berterusan mengkilap da'wah Islam dan mencapai visinya untuk bersama ke arah kehidupan cemerlang dunia dan ukhwawi. Selamat Ulang Tahun ke-40, sambutan Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah.

Menteri Hal Ehwal Ugama ketika sesi pembentangan yang bertajuk 'Kaedah Komunikasi Moden dan Peranan Kementerian-Kementerian Hal Ehwal Islam dan Wakaf dalam Memanfaatkannya serta Cara-Cara untuk Mencegah Bahayanya'.

FAHAMAI TARANNUM SECARA ILMIAH DAN PRAKTIKAL

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



PENYAMPAIAN sijil Kursus Tarannum Al-Qur'an Peringkat Lanjutan Siri 1 Tahun 2024 kepada salah seorang peserta disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama.

GADONG, Isnin, 7 Safar bersamaan 12 Ogos - Kursus Tarannum Al-Qur'an Peringkat Lanjutan Siri 1 Tahun 2024 yang julung kalinya dianjurkan ini dihasrat dapat mengubah persepsi para peserta dan juga orang ramai terhadap seni tarannum Al-Qur'an dengan memahami tarannum secara ilmiah dan praktikal.

Dalam hubungan ini, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an hendaklah lebih ketara menggiatkan peranannya sesuai dengan namanya Pusat Pengajian Al-Qur'an.

Menteri Hal Ehwel Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat, menyatakan perkara tersebut semasa Majlis Penutup Kursus Tarannum Al-Qur'an Peringkat Lanjutan Siri 1 Tahun 2024 yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama, mempelajari atau mengajarkan bacaan al-Qur'an secara berlagu dengan suara yang baik juga dapat membantu meningkatkan

pembelajaran qari dan qariah kita dalam memperlok atau memperindah mutu bacaan secara berlagu dan secara bertarannum.

Yang Berhormat juga mengingatkan agar para qari dan qariah mengenai kepentingan menguasai kaedah memperindah atau memperlok bacaan al-Qur'an secara bertarannum yang tujuannya jelas bagi mengesankan bacaan mereka dalam sebarang persembahan membaca al-Qur'an, terutama sekali sebagai peserta dalam sebarang musabaqah tilawah al-Qur'an di dalam mahupun luar negara.

Yang Berhormat turut menyampaikan nasihat kepada para peserta bahawa untuk menguasai tarannum, mereka perlu mengenal tahap kemampuan suara sendiri mengikut kesesuaian masing-masing dan para peserta hendaklah mengalunkan tarannum dari hati agar dapat menusuk hati para pendengar.

Kursus Tarannum Al-Qur'an Peringkat Lanjutan Siri 1 Tahun 2024 anjuran Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS, Kementerian Hal Ehwel Ugama (KHEU), telah diadakan

selama lima hari bermula Isnin, 5 Ogos hingga Sabtu, 10 Ogos 2024.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Halaqah Tarannum Al-Qur'an daripada empat peserta kursus yang terdiri daripada dua qari dan dua qariah.

Sejurus itu, majlis penyampaian sijil kepada fasilitator kursus dan para peserta disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama.

Seramai 18 peserta, iaitu 10 peserta lelaki dan 8 peserta perempuan yang terdiri daripada peserta Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masih anjuran KHEU dan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyertai kursus tersebut.

Sementara fasilitator kursus ialah Johan Qari Antarabangsa Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Qur'an di Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun 2003, Yang Hormat Dato Ahmad Faizul bin Haji Ghazali, di mana beliau juga merupakan salah seorang jemaah hakim pada majlis itu sehingga sekarang.

Antara objektif Kursus Tarannum Al-Qur'an bagi Peringkat Lanjutan Siri 1 Tahun 2024 ini adalah untuk mempertingkatkan lagi disiplin Ilmu Tarannum al-Qur'an secara ilmiah dan praktikal serta mutu pembacaan al-Qur'an para qari dan qariah dan seterusnya mengambil pengalaman baru dalam bertalaqqi dengan pakar al-Qur'an dari luar negara.

MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT

Oleh : Azizah Hidup



Menteri Hal Ehwel Ugama bergambar ramai dengan rombongan Foutowa Islamic Association, Lebanon

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Safar bersamaan 31 Ogos - Menteri Hal Ehwel Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman telah menerima kunjungan hormat daripada Vice Chairman Foutowa Islamic Association, Lebanon, Sheikh Riad

Bazou dan Director of International Affairs, Foutowa Islamic Association, Lebanon, Sheikh Mohamad Abdallah El Moghrabi.

Hadir sama pada majlis tersebut yang diadakan di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwel Ugama, Jalan Dewan Majlis ialah Pemangku Timbalan Setiausaha



PROGRAM 'MASJIDKU MAKMUR, NEGARA BERKAT'

Oleh : Dahlan Chuchu



Para Jemaah yang hadir menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan seterusnya mendengar Tazkirah Subuh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Muharam bersamaan 4

Ogos - 'Raja dan Rakyat Tiada Tembok Pemisah' menggambarkan sikap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang raja yang prihatin dan berjiwa rakyat dalam pemerintahan baginda. Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa kewajipan raja berlaku adil kepada rakyat, sementara kewajipan rakyat pula mentaati raja.

Bukan itu sahaja, raja berkewajipan untuk mengetahui susah senang rakyat sementara rakyat pula dituntut untuk bersimpati kepada raja. Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan seorang raja yang peramah, sentiasa menjaga dan menjalankan hubungan baik sesama masyarakat dan rakyat jelata.

Oleh itu, wajarlah untuk kita berasa bersyukur dan taat patuh kepada baginda bukan sahaja terhad kepada mematuhi segala perintah dan arahan yang diberikan secara lisan sahaja, bahkan mentaati dan mematuhi segala

peraturan dan dasar serta undang-undang negara.

Perkara tersebut antara pengisian Tazkirah bertajuk 'Raja dan Rakyat Tiada Tembok Pemisah' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi pada Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Atur cara program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' yang bersempena

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-78 bagi Tahun 2024 dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah.

Hadir sama untuk menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan seterusnya mendengar Tazkirah Subuh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang

Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' antara lain bertujuan untuk memakmurkan masjid dengan menghadirkan diri bagi mendirikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang mempunyai kelebihan darat berbanding sembahyang secara perseorangan di samping mendengarkan Tazkirah Subuh.

Program diungkayahkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Masjid Omar 'Ali Saifuddien dengan kerjasama PDI serta Bahagian Kemajuan Syiar Islam. ■



Tazkirah bertajuk 'Raja dan Rakyat Tiada Tembok Pemisah' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

DOA KESYUKURAN JUBLI DELIMA PUTUS DA'WAH ISLAMIAH

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



HADIR selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan para jemputan khas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Safar bersamaan 29

Ogos. - Bagi memohon keberkatan dan sebagai tanda syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan taufiq dan inayah-Nya juga, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) masih mampu berdiri menunaikan tanggungjawab dakwah kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD), serantau dan antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, Pusat Da'wah Islamiah telah menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran Jubli Delima PDI 1406 Hijrah - 1446 Hijrah bersempena memperingati penubuhannya pada 1 Muharam 1406 Hijrah bersamaan 16 September 1985 Masihi, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Jabatan Perdana Menteri.

Jubli Delima PDI tersebut bertemakan 'Sinar Da'wah 40 Tahun Di Negara Zikir'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang



Majlis diteruskan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, Surah al-Faatihah dan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Pegawai Ugama i-Ready, PDI, Awang Muhammad Nur Asymawi bin Awang Asli.

Majlis disusuli dengan bacaan Doa Kesyukuran oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman.

Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Haji Mohd Izzat Izzuddin. ■

TAZKIRAH MALAM MUNAJAT SERLAHKAN KETOKOHAN RASULULLAH

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



Malam Munajat khas untuk wanita kali Ke-16.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Safar bersamaan 18 Ogos

Program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi untuk kali Ke-147, khas untuk wanita kali Ke-16 dan mengundang Timbalan Pengerusi Bersama Badan Sukarelawan Belia Da'ie Naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Dayang Siti Nur Rafhanah binti Awang Masri yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan surah al-Faatihah dari Mushalla Al-Ameen, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Seterusnya, bacaan surah Ar-Rahman beramai-ramai dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop, Dayang Norliza binti Abd. Jalil juga selaku Ahli Kumpulan Wardatul Jannah, Program Keugamaan Belia, KHEU dari Surau Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan dari surau kolej berkenaan.

Malam Munajat juga diserikan dengan tazkirah bertajuk, 'Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa salam Pendidik Terulung Sepanjang Zaman' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Da'wah Daerah Temburong, PDI, Dayang Nurul 'Ain binti Mohd. Redzuan @ Jasmona anak Janteang dari Mushalla Al-Ameen, PDI.

Tazkirah menyerlahkan mengenai ketokohan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa salam yang secara tidak langsung sebagai seorang pendidik dan pendakwah telah meninggalkan aset yang amat berharga, walaupun pada peringkat awalnya baginda seorang yang ummi, namun dengan wahyu yang telah

diturunkan, Baginda mampu meraih kejayaan dalam mentaribah umatnya ke arah kecemerlangan insan yang sebenar.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Zikir Maghfirah Warrahmah beramai-ramai dipimpin oleh Pra-U Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Dayang Nurhaneyah binti Nordin, yang juga Ahli Kumpulan Wardatul Jannah, Program Keugamaan Belia, KHEU dari Surau Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Tenaga Pembimbing Masjid Kampung Sungai Hanching, Dr. Zati Hanani binti Dato Seri Setia Haji Rajid dari masjid berkenaan.

Hadir dan sama-sama menyemarakkan lagi Malam Munajat, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datuk Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Turut sama mengimarahkan acara Malam Munajat tersebut ialah Ahli Badan Sukarelawan Belia Da'ie Naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia; Ahli Kumpulan Wardatul Jannah, Program Keugamaan Belia; Muslimah dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching dan dari beberapa buah masjid di negara ini.

Juga sama mengimarahkan program tersebut, warga kerja wanita KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya telah meninggalkan aset yang amat berharga, walaupun pada peringkat awalnya baginda seorang yang ummi, namun dengan wahyu yang telah

19 PESERTA IKUTI KURSUS TARANNUM AL-QUR'AN PERINGKAT LANJUTAN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



Para peserta yang mengikuti Kursus Tarannum Al-Qur'an Peringkat Lanjutan Siri 1 2024 bergambar ramai dengan tetamu kehormat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Safar bersamaan 6 Ogos -

Seramai 19 peserta, iaitu 10 orang qari dan 9 qariah terdiri daripada kalangan peserta Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengikuti Kursus Tarannum Al-Qur'an Peringkat Lanjutan Siri 1 2024 yang bermula Isnin, 5 Ogos hingga Sabtu, 10 Ogos 2024.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran Kursus Tarannum Al-Qur'an Peringkat Lanjutan Siri 1 Tahun 2024 diadakan bertempat di Hotel Badi'ah, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Faatihah oleh Imam Masjid Kampung

Mentiri, Awang Haji Mohd. Taufiq bin Haji Abdul Rahman. Disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pusat Pengajaran dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS, KHEU, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof.

Majlis diteruskan lagi dengan Majlis Pelancaran Kursus Tarannum Al-Qur'an Peringkat Lanjutan Siri 1 Tahun 2024 oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama. Kemudiannya, menyaksikan klip video persembahan Tarannum Bil Qur'an oleh fasilitator kursus, Yang Hormat Dato Haji Ahmad Faizul bin Haji Ghazali, pakar Tarannum Al-Qur'an.

Beliau pernah menjadi johan Musabaqah Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur pada 2003.

Tujuan Kursus Tarannum Al-Qur'an berkenaan adalah untuk mempertingkatkan lagi disiplin ilmu Tarannum al-Qur'an dan mutu pembacaan al-Qur'an qari dan qariah.

Selain itu, ia juga sebagai menyahut seruan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Pembukaan Rasmi Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 / 2017 untuk mengundang lebih ramai lagi para pakar antarabangsa dalam tempoh masa yang tertentu bagi membolehkan para qari dan qariah negara ini meraih dan menimba lebih banyak ilmu dan pengalaman.

Di samping itu, memberi peluang kepada para peserta untuk meraih pengalaman baharu dalam bertalaggi dengan pakar al-Qur'an dari luar negara.

Kursus selama lima hari berkenaan diungkayahkan oleh KHEU melalui Pusat Pengajaran dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS.

PROGRAAM IKON MUALLAF LAHIRKAN TOKOH MUALLAF CEMERLANG

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



Program Ikon Muallaf 1446H / 2024M telah dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub.

PULAI, Ahad, 29 Muharram bersamaan 4 Ogos - Program Ikon Muallaf 1446 Hijrah / 2024 Masihi dihasrat untuk melahirkan tokoh muallaf yang cemerlang dalam pelbagai aspek modal insan berlandaskan kepada falsafah negara, Melayu Islam Beraja.

Di samping menjadi qud wah bagi para muallaf agar bergiat aktif bersama masyarakat, ia juga sebagai platform dalam memberi sokongan dan latihan kepada muallaf yang bersedia untuk menjadi duta bagi Belia Muallaf As-Syahadah.

Sehubungan itu, Program Ikon Muallaf 1446H / 2024M telah dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub juga selaku Penghulu Mukim Ukong bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kampung Pulaie, di sini.

Program dikendalikan bersama oleh Urus Setia Program Keugamaan Belia, PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Belia Muallaf As-Syahadah. Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar

dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyah oleh peserta-peserta Ikon Muallaf dan diteruskan dengan bacaan surah al-Faatihah dipimpin oleh Belia Muallaf As-Syahadah, Awang Muhammad Khairul Aiman Akmal@Yussof Almahdi bin Haji Rusli dan kemudian disusuli bacaan ayat suci al-Qur'an oleh pemenang qari Musabaqah Murattal Al-Qur'an bagi Muallaf Senegara 1444H / 2022M, Awang Muhammad Saiful Dafi bin Muhammad Suhaimi@Suandy bin Suhaimi.

Manakala, inti sari ayat dibacakan oleh Belia Muallaf As-Syahadah, Awang Muhammad Fadzrin Hazwin bin Abdul Alyan.

Majlis diteruskan dengan ucapan aluan oleh Pengurus Belia Muallaf As-Syahadah, Dayang Nurul Nadzirah binti Haji Simpon, diikuti dengan ucapan perasmian oleh tetamu kehormat majlis dan diselanjurkan dengan tayangan video perasmian Program Ikon Muallaf

1446H / 2024M. Acara diteruskan juga dengan bacaan ikrar yang dipimpin oleh peserta Ikon Muallaf 1446H / 2024M, Awang Muhd. Muhammin bin Muhd. Zulkifli.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan diikuti dengan Doa Selamat dibacakan oleh Belia Muallaf As-Syahadah, Awang Muhammad Khairul Aiman Akmal@Yussof Almahdi bin Haji Rusli.

Program Ikon Muallaf 1446H / 2024M merupakan kesinambungan daripada Program Muallaf Mantap pada tahun 2022. Ia memfokuskan kepada aspek-aspek penting iaitu penghayatan hidup beragama melalui solat berjemaah, penglibatan dalam Malam Munajat dan qiamullail. Ia juga bertujuan untuk melatih para peserta menjadi pemimpin dan menerapkan kerja berpasukan secara praktikal dalam berkomunikasi serta mengajar nilai kendiri (kenali diri) melalui pengurusan emosi dan kecerdasan serta penglibatan peserta-peserta Program Ikon Muallaf untuk berkhidmat kepada masyarakat khususnya para muallaf.



Bacaan ikrar yang dipimpin oleh peserta Ikon Muallaf 1446H / 2024M, Awang Muhd. Muhammin bin Muhd. Zulkifli.



يَهْدِي مَن يَشَاءُ إِلَى صِرَاطِ مُسْتَقِيمٍ ...

Mafhumnya:

...Allah jualah yang mengurniakan hidayah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus (agama Islam)

Surah al Baqarah ayat 142

Majlis Pengislaman OGOS 2024



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2024



Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

Bagi Bulan
OGOS
21
Orang

Jumlah
Keseluruhan
JAN-OGOS 2024
217 Orang

SESI TOWN HALL BAGI MENELITI DAN MENGESAHKAN DRAF PELAN STRATEGIK KHEU TAHUN 2025-2029

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



Kota Batu, Isnin, 17 Safar bersamaan 22 Ogos—Kementerian Hal Ehwal Ugama mengendalikan Sesi Town Hall bagi meneliti dan mengesahkan Draf Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 2025-2029 bertempat di Mangrove Paradise Resort, Kota Batu. Sesi tersebut dikendalikan selama 4 hari bermula pada 19 hingga 22 Ogos 2024.

Hadir sama di Sesi Town Hall itu ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad

Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan

para pengarah serta ketua bahagian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Terdahulu bengkel penyediaan Draf Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 2025-2029 telah diadakan sebanyak 6 siri dan disertai oleh 50 orang pegawai berkenaan selaku ahli yang dilantik.